

Kebakaran DTC: Faktor khianat tidak boleh diketepikan

UM 15 JUL 2001

PUTRAJAYA 14 Julai — Faktor oerbuatan khianat masih tidak boleh diketepikan dalam kes kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC), Universiti Malaya pada 29 Jun lalu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, laporan siasatan yang diterimanya daripada polis, Jabatan Bomba dan Keselamatan serta Jabatan Kimia belum sempurna dan lengkap sepenuhnya.

Beliau berkata, laporan daripada tiga agensi kerajaan itu tidak dapat mencapai persetujuan terhadap punca kebakaran,

“Walaupun ada tanda-tanda yang menunjukkan kepada masalah litar pintas tetapi ia masih tidak begitu jelas.

“Mungkin, siasatan itu tidak dapat mengesan secara jelas sama ada perbuatan khianat dilakukan.

“Namun, ia (perbuatan khianat) masih tidak boleh ditolak kemungkinannya,” kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan majlis Dialog Belanjawan 2002 Sesi Ketiga di sini, hari ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai laporan siasatan kejadian kebakaran DTC, Universiti Malaya yang mengakibatkan kira-kira 90 peratus bangunannya terbakar.

Kebakaran itu berlaku dua hari sebelum Perdana Menteri dijadualkan menghadiri majlis dialog dan penutup Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di Dewan tersebut.

Kebimbangan mengenai kemungkinan kebakaran itu berpunca daripada perbuatan khianat disebabkan wujudnya usaha pihak tertentu untuk menahasut pelajar UM menghalang kehadiran Perdana Menteri.

Kejadian itu juga memusnahkan sejumlah besar jubah dan topi konvokesyen bagi graduan-graduan UM.

Sehubungan itu, acara konvokesyen ke-38 dijangka akan diadakan di Stadium Putra Bukit Jalil pada minggu pertama Oktober ini.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, laporan mengenai siasatan kebakaran itu telah diserahkan kepada Perdana Menteri kelmarin.

➔ Setakat ini, belum ada laporan rasmi berhubung punca kebakaran dikeluarkan oleh mana-mana agensi berkenaan walaupun satu sumber baru-baru ini menyebut litar pintas sebagai punca.